

Dr Mohd Daud Bakar  
Dari Penulis Buku Minda Syariah Kewangan Islam



# Anak Desa


## KE PERSADA ANTARABANGSA

Lakaran Kehidupan Seorang Usahawan Syariah Global

595  
3



# Anak Desa Ke Persada Antarabangsa



Dr. Mohd Daud Bakar

Y.A.B. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

PUSTAKA PERDANA



1013549

Terbitan 2018

Amanie Media Sdn. Bhd.  
Level 33, Menara Binjai,  
No. 2, Jalan Binjai Off Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur, Malaysia  
[www.amaniemedia.com](http://www.amaniemedia.com)

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Amanie Media Sdn. Bhd.

ISBN: 978-967-14818-4-4  
978-967-14818-5-1 (e-Book)

Dicetak di Malaysia oleh Tihari Cetak Sdn Bhd

923.3595

# ISI KANDUNGAN

Dedikasi.....	vii
Penghargaan I.....	ix
Penghargaan II.....	xi
Prakata.....	xiii
<b>Bab 1: Keluarga adalah Permulaan Kita .....</b>	<b>1</b>
<b>Bab 2: Pendidikan Pewarna Kehidupan .....</b>	<b>7</b>
<b>Bab 3: Cita-Cita dan Impian Awal Saya dalam Kehidupan.....</b>	<b>17</b>
<b>Bab 4: Guru dan Mentor Penyuluh Kegelapan .....</b>	<b>25</b>
<b>Bab 5: Langkah Pertama di Persada Antarabangsa.....</b>	<b>33</b>
<b>Bab 6: Hobi dan Aktiviti Sukan Pemanis Kehidupan .....</b>	<b>41</b>
<b>Bab 7: Penguasaan Bahasa Inggeris Kunci pada Keantarabangsaan.....</b>	<b>49</b>
<b>Bab 8: Bahasa Arab Bahasa Wajib dalam Kesarjanaan Syariah.....</b>	<b>57</b>
<b>Bab 9: Kerjaya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1989 - 2005).....</b>	<b>65</b>
<b>Bab 10: Personaliti Global bagi Persada Antarabangsa.....</b>	<b>75</b>
<b>Bab 11: Kegagalan adalah Proses Kematangan Hidup .....</b>	<b>83</b>
<b>Bab 12: Kehidupan di atas Kapal Terbang dan di Negara Orang.....</b>	<b>91</b>
<b>Bab 13: Cabaran dalam Masyarakat Sendiri .....</b>	<b>99</b>
<b>Bab 14: Anugerah dan Pengiktirafan dalam Kerjaya .....</b>	<b>109</b>
<b>Bab 15: 3 Sikap yang Baik dan 3 Sikap Yang Buruk .....</b>	<b>119</b>
<b>Bab 16: Kenapa Saya Lambat Menghasilkan Karya Penulisan? .....</b>	<b>127</b>

<b>Bab 17: Apakah Pembakar Momentum Semangat dan Jatidiri? .....</b>	<b>137</b>
<b>Bab 18: Nasihat Terbuka pada Graduan Syariah.....</b>	<b>147</b>
<b>Bab 19: Ilmu (Perundangan) Global bagi Medan Kerjaya Global ...</b>	<b>157</b>
<b>Bab 20: Motivasi bagi Terus Berada di dalam Kapal Kewangan Islam di Lautan yang Bergelora.....</b>	<b>165</b>
<b>Bab 21 : Kerjaya Sebagai Penasihat Syariah Global.....</b>	<b>173</b>
<b>Bab 22: Bagaimana Menongkah Arus Selepas Bergraduasi Memburu Kerjaya yang Diimpikan? .....</b>	<b>181</b>
<b>Bab 23: Pembakar Semangat Membawa Diri dan Syariah ke Persada Antarabangsa.....</b>	<b>189</b>
<b>Bab 24: Persediaan Ilmu dan Kemahiran demi Masa Depan .....</b>	<b>197</b>
<b>Bab 25: Adakah Pencapaian Saya di Persada Antarabangsa Hebat? .....</b>	<b>205</b>
<b>Bab 26: Sumbangan dan Pengorbanan Isteri, Anak-anak dan Keluarga dalam Meniti Jambatan Keantarabangsaan .....</b>	<b>213</b>
<b>Bab 27: Tip-Tip Menjadi Warga Global.....</b>	<b>219</b>
<b>Bab 28: Apa Pula Selepas Revolusi Industri Keempat?.....</b>	<b>227</b>

## **Dedikasi**

Kepada emak dan abah (semoga Allah SWT merahmati roh mereka di alam barzakh) yang telah memberikan segala-galanya bagi saya berjaya dalam pelajaran. Tanpa mereka, perjalanan saya ke persada antarabangsa pasti tak lebih dari sekadar fantasi.

Kepada graduan dan generasi muda Malaysia yang memiliki segala peluang dan potensi bagi menjadi wira antarabangsa. Malaysia memerlukan anda semua bagi menjadikan jenama Malaysia lebih harum mewangi dan disanjung tinggi. Kalau anda benar-benar mahukan sesuatu, anda mampu mencetus keajaiban. Yakin!



## Penghargaan I

Buku ini agak istimewa bagi saya kerana ia cerita hidup saya sejak kecil hinggalah sekarang. Ia kisah benar yang pernah berlaku di atas muka bumi ini dalam kehidupan saya.

Saya amat terhutang budi pada mereka yang menyokong saya dalam memulakan cerita ini sehinggalah ia dapat disiapkan dalam bentuk sebuah buku ala biografi. Sokongan dan kata-kata semangat anda memberi saya inspirasi bagi mencungkil cerita lama dan mencoret bahasa dan ungkapan motivasi demi segenap lapisan masyarakat.

Saya berterima kasih pada semua rakan saya di Amanie yang sentiasa memberi dorongan dan kepercayaan kepada saya bagi terus menulis dan berkongsi perspektif dalam pelbagai bentuk dan genre penulisan.

Penyunting buku, Ashadi Zain sekali lagi melakukan keajaiban dalam membuat suntingan dan sentuhan yang berkualiti tinggi bagi menjadikan manuskrip ini seolah-olah satu cerita yang hidup. Saya terharu dengan semua sokongan, dorongan dan kepercayaan anda! Terima kasih!



## Penghargaan II



### **Bendang Berlatar belakangkan Gunung Jerai**

Desa ini amat keramat. Apabila emak saya diceraikan waktu umur saya 10 bulan, desa inilah yang sudi menyediakan bumbung untuk kami berdua berteduh sekejap sebelum mengorak langkah kekuatan bagi emak saya memastikan saya mendapat pendidikan yang sepatutnya. Terima kasih pada penduduk kampung keramat ini. Empat orang yang berjasa telah meninggal dunia. Hanya seorang yang masih hidup, iaitu Pak Lang. Isterinya, Mak Lang baru meninggal dunia bulan Februari 2017 yang lepas. Moga roh mereka ditempatkan dalam kalangan golongan yang mendapat rahmatNya.

Desa, tanah dan penduduk desa ini sentiasa dalam ingatan saya. Di sinilah saya belajar erti kemanusiaan yang baik dan perjuangan yang sentiasa murah dengan senyuman. Jangan salahkan takdir kerana takdir adalah sebahagian jalinan mata-mata rantai kejayaan. Sebenarnya, takdir hari semalam yang membentuk kita pada hari ini. Itu cerita di sebalik kisah desa ini. Saya takkan lupa menziarahi desa ini setiap kali balik ke kampung halaman.

Teluk Bagan @ Alor Ibuih, Kedah Darul Aman.



## Prakata

Buku kehidupan adalah antara genre penulisan yang berbentuk ala biografi. Ini buku pertama saya dalam konteks penulisan yang berteraskan cerita kehidupan saya sendiri. Apabila saya melihat semula titik-titik perjalanan kehidupan saya, terdapat beberapa aspek yang dapat dikongsi dengan pembaca bagi merangsang semangat dan motivasi, khususnya dalam kalangan anak-anak muda kita.

Saya dapat rasakan, malah amat yakin generasi muda kita amat berbakat dan berpotensi, tetapi mereka amat memerlukan sentuhan inspirasi dan juga suri teladan atau *role model*. Saya harap buku ini bukan sahaja memberikan suntikan motivasi kepada pembaca tetapi lebih penting lagi, kepada semua tokoh masyarakat yang hebat bagi sama-sama turun padang berkongsi pengalaman dan rentetan kehidupan mereka bagi menghidupkan suasana suri teladan dalam masyarakat.

Ayuh bangkit membantu anak-anak muda kita! Saya sentiasa percaya suri teladan mampu memberikan impak yang lebih signifikan berbanding ceramah, kuliah dan pengajian, khususnya buat anak-anak muda. Kalau pun kita tak dapat menjadi matahari, biarlah kita menjadi sedikit percikan api yang mampu membantu menerangi jalan kehidupan mereka.

Buku ini menceritakan bagaimana kehidupan sebenar saya dalam keluarga yang miskin di Alor Setar dan bagaimana peluang bagi berperanan di persada antarabangsa sudah pun berputik

semenjak fasa awal kehidupan saya. Benarlah kata-kata para bijak pandai, yakni bermulalah dari awal. Di samping fakta kehidupan, saya selitkan juga beberapa mutiara peringatan dan motivasi supaya peristiwa dan episod kehidupan (yang telah berlalu) dapat bertukar menjadi skrip kehidupan yang hidup.

Fenomena kehidupan - sama ada baik atau buruk - tidak terjadi secara terasing dan terpinggir. Di sebalik sesuatu fenomena, terdapat rangkaian dan jalinan yang cukup kuat bagi membentuk satu manifestasi kehidupan di dunia ini, tak kisahlah yang positif atau negatif. Apabila semua pola dan unit ini bertemu dan bergabung, maka terbentuklah satu fenomena, sama ada dalam kehidupan peribadi atau masyarakat atau negara, malah dunia sekalipun. Kehidupan ini tidak lain tidak bukan adalah pergeseran dan pertembungan antara pola-pola ini - yang baik dan buruk - bagi menonjol dan mengambil tempat masing-masing dalam kehidupan.

Dalam penulisan tentang kehidupan saya, saya paparkan semua pola ini, bermula dari kisah emak saya yang diceraikan pada usia saya baru beberapa bulan kepada pandangan masyarakat terhadap ibu tunggal kepada sikap setengah ulama senior terhadap adik-adik dan anak-anak mereka - ulama junior - yang baru hendak mendaki tangga kesarjanaan Syariah. Ini semua adalah pola-pola negatif. Semuanya ini - kalau bergabung dan bersatu - akan meranapkan institusi keluarga dan masyarakat.

Saya juga akan menyelitkan pola-pola positif dalam kehidupan biasa kita, seperti bersikap **pulun** atau bersungguh dalam sesuatu kerja, mengiktiraf kelemahan diri dan mencari getah bagi menampal kelompongan tersebut, bercita-cita tinggi mencapai awan biru dan bekerja keras bagi menjadi insan yang relevan dalam setiap kedudukan dan fasa kehidupan.

Mungkin anda akan lihat jalan cerita kehidupan saya dengan jelas dan terang. Tetapi ini bukanlah tema sebenar buku ini. Ya, episod dan cerita adalah penting bagi memahami apa yang

telah berlaku dan apakah yang berlaku selepas sesuatu perkara atau keadaan. Tema utama buku ini (dan juga segala buku dan novel) adalah bagi mengenal pasti pola kehidupan yang berada di sekeliling kita yang mampu mengubah diri dan masyarakat. Buang yang keruh, ambil yang jernih. Pendek kata, jangan kita terlepas pandang hutan yang merimbun disebabkan mata kita hanya tertumpu pada pokok-pokok tertentu, terutama pokok-pokok yang besar dan menarik. Carilah tema dan mesej utama kehidupan di sebalik cerita dan episod yang menarik.

Saya sengaja tidak membawa cerita dan kisah pengalaman saya dalam bidang korporat dan pelaburan melalui penglibatan saya baru-baru ini sebagai ahli lembaga pengarah Sime Darby Berhad dan kemudiannya Sime Darby Property Berhad (selepas proses *demerger* atau pengasingan pada Disember 2017) dan sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pelaburan PNB. Ini kerana kedua-dua kapasiti baru ini dalam kehidupan saya sudah banyak mentransformasikan saya menjadi insan baru, sepertimana juga penglibatan aktif saya pada peringkat antarabangsa selama hampir dua dekad yang lalu sudah banyak mewarnai personaliti dan perwatakan saya. Sekali air bah, sekali pantai berubah.


Pengalaman dan kisah kehidupan yang baru ini (yang bermula dua tahun lepas) akan dimuatkan dalam buku lain yang khas. Terima kasih pada semua pihak yang sentiasa memberikan peluang kepada saya bagi melakukan transformasi diri, seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dow Jones Islamic Market Index, AAOIFI (Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam), Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Sime Darby, PNB (Permodalan Nasional Berhad) dan ramai lagi.

Saya juga tidak memuatkan sebarang episod pengalaman saya dalam bidang analisis data raya (*big data analytics*) dan kepintaran buatan (*artificial intelligence*) serta *fintech* dan matawang kripto kerana episod ini baru sahaja menjelma dalam kehidupan saya

beberapa tahun dan bulan yang lepas. Saya juga berasa episod baru ini memerlukan satu kupasan yang khusus kerana ia jendela baru buat saya melihat dunia dengan cara yang baru, moden dan kontemporari. Malah, ia mampu menjadikan agenda keantarabangsaan lebih berkuasa tinggi kerana ia melibatkan data dunia dan juga satu teknologi merentasi tembok dan bangunan serta sempadan, iaitu melalui teknologi dan ekonomi digital.

Secara keseluruhan, saya mempersembahkan kepada anda sebanyak 28 bab sepanjang buku ini, dengan coretan ringkas bagi setiap bab. Sepertimana buku ini mempunyai tema atau mesej utamanya, setiap bab pun mempunyai mesej dan tema utama bagi anda amati dan hadam. Semoga anda teruja, terhibur dan terangsang sepanjang pembacaan anda, sama ada pada episod dan cerita tertentu atau pada tema menjadikan manusia lebih efektif, berguna dan relevan. Selamat membaca!

# **BAB 1**



Fenomena kehidupan sama ada baik atau buruk tidak terjadi secara terasing dan terpinggir. Terdapat rangkaian dan jalinan yang cukup kuat bagi membentuk satu manifestasi kehidupan baik positif mahupun negatif.

## **Keluarga adalah Permulaan Kita**

Saya dilahirkan pada 5 Mac 1964 dalam satu keluarga yang sederhana. Tempat kelahiran adalah Jalan Lumpur, Alor Setar, Kedah. Saya masih ingat rumah tempat kelahiran saya walaupun sudah tiada ditelan kemodenan bandar. Saya anak keempat tapi kakak sulung saya telah meninggal dunia semasa beliau berumur 10 tahun. Saya dikhabarkan bahawa beliau (nama diberi Mashitah) meninggal dunia disebabkan demam panas. Sudah pasti beliau berada di syurga sekarang. Semoga bertemu nanti di syurga wahai kakanda yang tidak pernah saya temui di dunia ini.

Ayah saya (Bakar bin Ibrahim) adalah seorang peniaga ikan di pasar besar Alor Setar dan sebenarnya, walaupun pendapatannya tidak banyak, ia tetap mencukupi. Namun, segala kesederhanaan dan kecukupan hidup sekelip mata berubah apabila emak saya diceraikan waktu saya baru berumur 10 bulan. Emak saya (Ain Noor Ain) terpaksa mencari pelbagai pekerjaan sampingan hanya bagi menyediakan sedikit makanan supaya tidak kelaparan. Malangnya, keluarga dan masyarakat - pada waktu itu - suka memandang rendah janda dan ibu tunggal, walhal dalam ajaran agama, merekalah yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat kerana fasa selepas perceraian, apatah lagi dengan bebanan anak-anak kecil adalah fasa yang cukup mencabar dan mengancam. Masyarakat waktu itu

memang kejam pada janda dan bekas isteri. Ibu saya seolah jatuh ditimpa tangga.

Namun, masyarakat sekeliling belum mengetahui betapa tinggi semangat dan daya juang serta sikap kehidupan emak saya ini. Hanya jauh hari mengenal manikam. Pada saat itulah, seorang jejaka muda yang bernama Mohd Jamil Abdullah tampil melamar emak saya sebagai isteri beliau dan juga 'abah' pada saya yang masih kecil. Walau keberatan pada mulanya, emak saya menerima lamaran beliau kerana emak saya amat arif bahawa keluarga suaminya yang baru ini akan terus memandang hina dan rendah ibu tunggal anak empat. Betul dan tepat sekali. Abah saya (dialah sebenarnya berlian dalam kehidupan dan pembelajaran saya) telah dipinggirkan keluarganya sendiri.

Emak saya pernah bercerita bahawa susah bagi beliau hidup sebagai seorang 'janda' pada zaman tersebut. Banyak gangguan dan persepsi serong masyarakat terhadap janda. Kalau boleh, beliau hendak mandiri dengan bekerja di kilang bagi mencari sedikit rezeki demi sesuap rezeki dan persekolahan saya. Tetapi industri perkilangan belum ada lagi pada masa itu. Beliau dilahirkan terlalu awal sebelum industri perkilangan bermula di Malaysia.

Mencari rezeki dengan membasuh pakaian dan menggosok baju banyak menerima fitnah dan gangguan. Maklumlah, gelaran yang dibawa ke sana sini di dalam kampung adalah 'seorang janda'. Apabila emak menerima lamaran abah, emak menerima lamaran bagi 'terus hidup sebagai manusia biasa' tanpa gangguan masyarakat, walaupun beliau sedar beliau akan berhadapan tsunami yang lebih besar daripada pihak keluarga suami baru beliau. Namun, semangat juang emak tak pernah pudar, malah makin menyinar.

Bumi Alor Setar @ Jalan Lumpur tidak boleh atau enggan menerima kami bertiga. Semua penduduknya orang-orang baik

belaka dan hanya kami bertiga yang berhidung belang. Kami bertiga terpaksa meninggalkan bandar Alor Setar ke satu bandar kecil bernama Bedung berdekatan Sungai Petani - kalau anda tidak pernah mendengar nama pekan Bedung ini. Pekerjaan abah sepenuh masa adalah pencari kayu api di hutan pokok getah. Saya pembantu utamanya semasa berumur 5 - 7 tahun. Inilah kerjaya pertama saya dalam kehidupan di atas planet ini. Apakah pula kerjaya pertama anda? Jangan pandang remeh kerjaya pertama anda kerana dari situlah kerjaya gemilang anda bermula.

Apa pula kerjaya emak? Membasuh dan menggosok baju orang dan juga memasak apabila ada permintaan. Pengajaran hidup: apabila ada halangan dalam kehidupan, Allah SWT pasti akan buka banyak lagi pintu-pintu kehidupan. Yakinlah! Burung yang terbang pada awal pagi tak tahu di mana dan bagaimana ia akan mendapat rezekinya. Namun, apabila ia terbang pulang pada waktu senja, temboloknya penuh dengan makanan.


Semasa saya berumur hampir 7 tahun, kami berpindah semula ke Alor Setar. Masa bagi memulakan fasa kehidupan baru sudah bermula. Kami menyewa di Simpang Kuala, iaitu berhampiran jalan ke Kuala Kedah. Alamat rumah: Batu 1  $\frac{3}{4}$ , Jalan Sg Korok, Alor Setar. Abah dapat kerja baru: pembantu di kantin di sekolah Maktab Mahmud. Gaji RM20 sebulan. Anugerah hebat. Pendapatan tetap. Alhamdulillah. Emak saya menjadi guru Quran di kampung. Pada zaman mudanya, beliau sempat belajar Quran dengan guru pada Dato' Haji Ismail Hashim, johan qari antarabangsa beberapa kali. Namun, beliau terpaksa berhenti belajar kerana desakan kerja rumah dan kemiskinan.

Emak saya adalah guru Quran bagi seluruh kawasan dalam lingkungan 2 - 3 kilomoter di sekitar Simpang Kuala. Pembantu beliau? Siapa lagi kalau bukan saya. Itu berita baik. Berita kurang enak bagi saya pada zaman kanak-kanak adalah saya

tidak mempunyai masa bermain yang banyak kerana terpaksa menunggu sehingga semua orang habis mengaji. Geram. Perasaan seorang budak kampung yang banyak aktiviti permainan pada sebelah petang. Dahulu memang saya geram. Tapi sekarang saya sedar yang segala episod itu begitu sarat dengan hikmah.

Saya cukup gembira belajar Quran - Kalam Allah yang Suci - daripada emak sendiri dan juga mengajar Quran pada rakan-rakan kampung, iaitu abang-abang, kakak-kakak, rakan sebaya dan adik-adik. Resume dan biodata saya bermula sebagai pembantu pencari kayu api dan pembantu guru Quran sebelum saya menjadi pensyarah dan juga penasihat serta usahawan Syariah global. Jadi, sekali lagi saya tekankan, usah pandang kecil kerjaya pertama anda atau apa sahaja bentuk pekerjaan anda.

# **BAB 2**



“Pucuk dicita ulam mendatang”, saya mendapat tawaran belajar di Universiti Kuwait dengan biasiswa penuh kerajaan Kuwait. Namun pelbagai tohmahan dan cabaran diterima bagi membeli sekeping tiket penerbangan ke Kuwait.

## **Pendidikan Pewarna Kehidupan**

Nasib kita dalam pendidikan tidak sama. Ada yang berkesempatan belajar dan ada yang tidak. Besyukurlah pada Allah kalau anda tergolong dalam golongan pertama. Emak saya, walaupun celik Quran, tidak berpeluang belajar secara rasmi kerana faktor kemiskinan. Emak saya mempunyai cita-cita menjadi guru tapi tak kesampaian. Namun, beliau sempat tamat belajar kelas orang dewasa bagi kemahiran membaca.

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak (semoga Allah SWT merahmati roh beliau) pernah menawarkan pada emak bagi berkhidmat sebagai guru. Tetapi beliau terpaksa mengikuti kursus perguruan selama beberapa bulan terlebih dahulu. Di sini, beliau berhadapan halangan keluarga dan terpaksa berkahwin awal. Mereka tidak mahu melepaskan seekor anak burung bagi belajar terbang. Takdir sosial amat berat ditolak. Kalau ditolak, nanti terbuang dari keluarga. Segala harapannya menjadi seorang guru terkandas seperti kaca yang jatuh berderai. Itu takdir yang tersurat untuk beliau.

Bagi diri saya pula, saya mula belajar mengaji Quran dengan emak sendiri. Sekolah pertama saya adalah Sekolah Kebangsaan Sg Korok Baru di Alor Setar yang terletak sejauh lebih kurang 2 km dari rumah. Saya terpaksa berjalan ke sekolah setiap hari. Saya amat suka pergi sekolah kerana dapat belajar sesuatu yang baru dan juga kerana cikgu-cikgunya yang dedikasi dan

penyayang. Saya tak suka ponteng sekolah. Saya sentiasa bersemangat membelah hembusan bayu pagi dan sinar mentari yang baru menjenguk dunia berjalan kaki ke sekolah.

Cikgu Ibrahim adalah idola dan suri teladan saya yang pertama. Beliau mengajar dan juga mendidik serta memberi inspirasi. Beliau mengamanahkan saya memeriksa jawapan murid-murid lain dalam latihan ilmu hisab atau matematik semasa darjah 5 dan 6. Saya pelajar ilmu hisab yang agak cekap dengan formula matematik. Saya jadi popular sebagai pembantu guru, walaupun taklah sependai Victor Frankenstein atau al-Jabri atau al-Khawarizmi. Saya kena datang awal pagi dalam pukul 6.45 pagi bagi membantu Cikgu Ibrahim dan lebih penting lagi, tanpa saya sedari, membina keperibadian saya seawal umur 11 -12 tahun.

Gelombang tsunami pertama saya berlaku apabila tamat darjah 6. Ramai rakan memilih sekolah menengah arus perdana. Tapi abah dan emak nak daftarkan saya ke sekolah agama Maktab Mahmud. "Sekolah Arab"; itulah nama diberi masyarakat. Negatif sangat. Kata masyarakat, "Peluang pekerjaan bagi budak sekolah Arab adalah ustaz, imam, bilal dan penganggur". Tambahan lagi, saya terpaksa masuk kelas peralihan bahasa Arab selama setahun. Saya akan ketinggalan setahun berbanding rakan-rakan saya yang lain, sedangkan saya pelajar terbaik sekolah rendah.

"*Not fair*", inilah ungkapan dan ekspresi orang sekarang. Ini tidak patut berbanding rakan-rakan saya. Saya pelajar terbaik penilaian darjah 5 (iaitu UPSR pada zaman sekarang). Mana mungkin pelajar terbaik sekolah hanya berakhir di sekolah Arab? Pemikiran negatif. Bukan masyarakat sahaja yang negatif, bahkan saya pun terpengaruh dengan prasangka hitam masyarakat. Sekalipun kita tak mahu bergelumang dengan lumpur, adakalanya terpalit jua.

Saya kemudiannya mencuba nasib di MRSM tapi gagal

dalam ujian IQ. Minda saintifik saya lemah. Akhirnya, saya terpaksa akur dengan kemampuan sendiri dan juga akur dengan harapan menggunung abah dan emak agar saya belajar agama di sekolah Arab. Abah saya juga bekas pelajar sekolah yang sama. Sentimen beliau pada sekolah lamanya amat kuat (dan mungkin juga beliau berat sebelah - sudah pasti).

Hari pertama di Maktab Mahmud amat luar biasa sekali. Seolah-olah ada perancangan Allah yang tersimpan buat saya. Hari pertama - dalam beberapa jam - terus jatuh cinta dan minat belajar bahasa Arab dan agama. Jangan benci sesuatu kerana takut dalamnya ada kebaikan dan sebaliknya. Itulah mesej Quran. Perkara yang kita suka tak semestinya baik untuk kita dan perkara yang kita benci tak semestinya buruk buat kita.

Saya rasa bangga kerana dapat belajar bahasa asing pada umur 13 tahun berbanding rakan-rakan saya di sekolah arus perdana. Dengan izin Allah, saya mendapat kejayaan paling cemerlang dalam kelas peralihan dan terus lompat dan melangkah ke tingkatan 2. Kini, saya kembali setaraf dan setahap dengan bekas rakan-rakan saya di sekolah rendah (malah saya kini lebih ke hadapan kerana mampu berbahasa Arab).

Maktab Mahmud menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Hebat sekali. Kemahiran bahasa Arab saya berputik di sini. Pengajian Nahu dan Saraf di tingkatan 2 bersama Ustaz Ghani Ibrahim membuka minda Nahu dan Saraf atau morfologi saya sehinggalah ke hari ini. Bagi saya, beliau adalah guru Nahu terbaik di dunia.

Selepas SRP (atau PMR atau PT3), saya ditawarkan belajar di Kolej Islam Klang (KIK). Inilah sekolah impian bagi semua pelajar agama dan bahasa Arab di Malaysia pada masa itu. Satu-satunya sekolah asrama penuh bagi aliran agama. KIK mengajar saya erti disiplin belajar dan kemahiran kepimpinan. Ia juga menjadikan saya celik apa erti beragama dalam konteks

kehidupan. Tasawwur Islam yang jelas dan lantas menggerakkan saya bagi beramal. Islam agama kehidupan bukan agama upacara dan retorik. 100% tepat.

Sebelum sempat menduduki peperiksaan STP di Tingkatan Enam Atas, saya mendapat tawaran belajar di Universiti Kuwait dengan biasiswa penuh kerajaan Kuwait. Bak kata pepatah, "pucuk dicita ulam mendatang", saya terus menerima tawaran ini. Siapa yang akan menolak tawaran sebegini? Kadang-kadang, peluang hanya datang sekali.

Gelombang tsunami kedua pula berlaku. Ramai 'penasihat' abah di kampung 'menasihati' abah supaya jangan membenarkan saya belajar tinggi di luar negara hanya kerana saya anak tiri dan mungkin akan lupa daratan seperti kacang lupakan kulit atau seperti kisah Si Tanggang. Di mana logik mereka, saya pun tak tahu. Mereka mempunyai prasangka buruk pada saya dan mereka semestinya belum mengenali hati budi saya. Emak saya telah melalui pengalaman semacam ini dan sekarang giliran saya pula. Inilah kitaran ganas dunia. Kalau dibiarkan, semua orang akan terumbang-ambing dibadai gelora.

Saya memerlukan wang tunai bagi membeli tiket penerbangan dan sedikit pakaian baru yang kesemuanya berjumlah RM1,200. Abah datang ke Kuala Lumpur dengan menaiki bas semata-mata bagi memujuk supaya saya menolak tawaran ke Kuwait. Minda beliau diracuni ramai orang, termasuk imam dan ustaz. Inilah namanya ustaz tepung kastard. Betapa kuatnya nasihat agama bercampur prasangka (mungkin sedikit hasad dengki) dalam masyarakat. Kami berjumpa di Masjid Negara. Tiada wang yang dibawa. Dunia macam nak runtuh. Kiamat.

Menyerah kalah? Tidak sekali-kali. Saya berkata pada abah bahawa saya akan cuba cari wang sendiri. "Abah jangan bimbang. Akan diusahakan nanti. Kalau ada rezeki, Daud boleh pergi ke Kuwait. Kalau tidak, memang tiada rezeki kita", itulah kata-kata saya pada beliau sewaktu menghantarnya ke stesen

bas Pudu Raya bagi balik ke Alor Setar. Saya tahu beliau amat kecewa tetapi saya juga yakin bahawa beliau – dalam hati kecilnya – ingin saya ke luar negara bagi menyambung pelajaran. Cuma kadang-kadang jiwanya lemah dengan kehebatan dan aura para penasihatnya. Adakalanya, kita perlu berhati-hati dengan mereka yang suka menghasut dan mengadu domba. Jadikan diri kita kebal dari hasutan orang.

Para guru dan rakan-rakan saya di Kolej Islam Klang banyak menderma dan memberi pinjaman *qard hasan* bagi membantu saya mendapatkan sedikit wang bagi membeli tiket kapal terbang. Saya takkan lupakan jasa mereka sampai bila-bila. Alhamdulillah, wang sudah terkumpul. Pasport antarabangsa saya yang pertama dah pun siap. Setiap malam, saya asyik mengamati dokumen pasport ini, seolah-olah saya sudah menjadi warga antarabangsa. Langkah pertama menjadi warga antarabangsa bermula apabila saya mendapat pasport antarabangsa saya pada tahun 1983. Tak tahu nak digambarkan perasaan seorang anak desa dengan pasport antarabangsa yang dibelek-belek sepanjang masa. Impian jadi kenyataan!

Pengajian saya di Kuwait adalah peluang terbaik dalam fasa pendidikan saya kerana tak ramai pelajar Malaysia di sana. Saya pelajar Malaysia pertama dalam bidang Syariah. Bahasa Arab dapat dikuasai dengan baik, lancar, yakin, mempesonakan dan anggun. Saya selalu mendapat pujian akademik setiap semester atau *Dean's List* dalam bahasa moden. Satu lagi aspek kehidupan yang penting adalah semasa di Kuwait, saya sempat bekerja separuh masa semasa sedang belajar dan juga sepenuh masa sesudah tamat pengajian di Kuwait. Ini kelebihan yang tidak dimiliki rakan-rakan sepengajian saya di Kuwait.

Seterusnya, pada tahun 1990, saya mendapat biasiswa JPA dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D. di St Andrews, Scotland, United Kingdom. Bidang kajian adalah usul fekah

dengan rujukan khusus pada fenomena *ikhhtikaf* ulama dan instrumen *tarjih*. Sebetulnya, saya lebih suka menganggap diri saya sebagai peribadi usul fekah, berbanding personaliti kewangan Islam. Itulah ilmu teras saya.

Gandingan dan gabungan simbiosis antara tradisi ilmu di negara Arab dan di Barat memang membentuk keperibadian saya. Saya pulang ke Malaysia pada tahun 1994 dengan Ph.D. Pada tahun 1996, saya mendaftar sebagai pelajar kursus undang-undang jurisprudens (program luaran) di Universiti Malaysia. Selepas 6 tahun, saya berjaya menamatkannya dengan 'hidung berdarah' dan kesakitan minda yang luar biasa. Hujung minggu saya selama 6 tahun habis di kelas-kelas hujung minggu di Institut Kemayan (sekarang sudah dinaik taraf menjadi universiti swasta). Perit tapi apakan daya. CGPA saya? Jangan tanya. Itu rahsia seumur hidup.

Walaupun rezeki burung dah ada dalam kitab Ilahi, Allah SWT takkan meletak makanan burung di dalam paruhnya. Burung kena keluar terbang pada pagi hari bagi mencari cacing di sebalik batu dan serangga di ladang dan pohonan.

Kemungkinan besar saya satu-satunya sarjana Syariah di Malaysia yang mempunyai dua ijazah Syariah dan Undang-undang dalam tempoh pengajian 10 tahun sebagai pemegang ijazah pertama atau ijazah sarjana muda. Saya memang rasa puas sebab saya ada kedua-dua aspek undang-undang, sepertimana saya juga rasa puas dengan menguasai dua bahasa, iaitu Arab dan Inggeris.

Saya tahu cerita ini agak panjang sikit. Maklumlah cerita 23 tahun. Kalaulah boleh saya kembali ke zaman lampau, saya inginkan dua perkara. Pertama, saya akan menjauhi setiap kesalahan atau kedosaan yang telah dilakukan pada masa lepas pada Allah dan kesalahan pada manusia dan yang kedua, saya ingin belajar semula.

Belajar adalah mudah dan menyeronokkan. Kepada anak-

anak saya pada peringkat persekolahan dan pengajian, anda ada guru-guru hebat di hadapan anda. Tanyalah mereka tentang ilmu dan kemahiran kehidupan kerana mereka adalah gudang ilmu dan inspirasi. Berinteraksilah dengan mereka. Ambillah ilmu dan hikmah sebanyak mungkin. Jangan jadi pelajar yang kosong roh dan jiwanya (*soul-less*). Kaku dan bisu. Ada seperti tiada.

Semoga Allah merahmati guru-guru kita yang masih hidup atau yang telah meninggalkan kita. Diri kita hari ini adalah apa yang dipelajari dari mereka. Jangan sombong dan bongkak dengan diri sendiri kerana semua orang kena belajar dari orang lain. Tak ada siapa yang pandai dan berotak geliga dengan sendirinya. Jangan sampai kita jadi macam orang yang hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong. Itu syok sendiri namanya.

# Anak Desa KE PERSADA ANTARABANGSA

Lakaran Kehidupan Seorang Usahawan Syariah Global

## Biodata Pengarang

Dr Mohd Daud Bakar dikenali sebagai salah seorang cendekiawan Syariah elit dunia oleh para pengamal industri kewangan Islam. Beliau amat dikenali kerana kemampuannya menawarkan penyelesaian yang praktikal dan boleh dilaksanakan.

Dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tanggal 5 Mac 1964, beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Korok Baru. Dilatih untuk berjalan sejauh 2 kilometer pergi dan pulang ke sekolah setiap hari membuka ruang bagi beliau berangan-angan untuk keluar dari kancah kemiskinan.

Tahun 2005 menyaksikan kejayaan beliau mencipta kegemilangan dalam dunia akademik, namun berbekalkan usaha dan doa beliau menguji tekad dengan menubuhkan syarikatnya sendiri, "Amanie". Tindakan itu berjaya memberikan perspektif istimewa kepadanya sebagai cendekiawan Syariah iaitu dwiperspektif dengan realiti komersil dan realiti akademik.

Seorang yang menghargai cabaran dan kejayaan, beliau turut memanfaatkan pengalaman serta berkongsi ceritanya di dalam "Saya Ada 25 Jam Sehari" dan karya agung beliau, "Minda Syariah Kewangan Islam: Kisah Balik Tabir Perspektif Cendekiawan Syariah". Turut dihasilkan pada tahun 2018, judul terbaru di bawah nukilan beliau adalah "PULUN" dan "Membumikan Syariah".

**“ Dalam pendakian ke puncak, anda pastinya terpaksa menuruni lembah. Begitu juga dengan orang lain. Yang membezakan anda dengan orang lain adalah 'mindset' atau kerangka minda anda. ”**

ISBN 9 78967 1481844



9 78967 1481844

